

INTIPATI BAJET 2008



Bajet 2009 yang bertemakan "Kerajaan Prihatin" telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Dewan Rakyat pada 29hb. Ogos 2008. Bajet 2009 adalah sebanyak RM207.9 bilion iaitu meningkat 5.1 peratus dari bajet 2008. Dari jumlah tersebut sebanyak RM154.2 bilion diperuntukan untuk perbelanjaan mengurus dan RM53.7 bilion lagi untuk perbelanjaan pembangunan.

Peruntukan pembangunan sebanyak RM27.8 bilion digunakan untuk sektor ekonomi iaitu infrastruktur, pertanian, dan perindustrian. RM17.8 bilion untuk kegunaan sektor sosial seperti kesihatan pendidikan dan perumahan. Manakala RM4.1 bilion pula untuk sektor keselamatan. RM2.1 bilion untuk pentadbiran dan RM2 bilion untuk simpanan luar dan jangka. Bajet 2009 tertumpu kepada tiga strategi khusus iaitu, membangun modal insan yang berkualiti, menjamin kesejahteraan rakyat, dan memperkuuh daya tahan ekonomi negara agar mampu mengharungi kesan persekitaran luar yang semakin sukar pada ketika ini. Pelbagai langkah bertujuan meringankan beban kos sara hidup, terutamanya ke atas golongan berpendapatan rendah dan yang kurang berasib baik ditekankan dalam Bajet 2009. Di antara intipati bajet kali ini adalah;

- Bagi menghargai jasa pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun, kerajaan akan memberikan pencen tidak kurang daripada RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009.
 - Memberi elaun RM150 sebulan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Bantuan murid OKU di sekolah pendidikan khas akan ditambah dari RM50 kepada RM150. Manakala bayaran insentif sebanyak RM200 sebulan disediakan untuk pembantu guru di sekolah pendidikan khas.
 - Kadar kemiskinan akan dikurangkan kepada 3.6 peratus pada tahun 2007 berbanding 5.7 peratus pada tahun 2004. Kerajaan telah menyediakan RM50 juta dibawah Program Bantuan Rumah untuk membina 1,400 rumah baru dan membaik pulih 1,000 buat rumah.
 - Rebah cukai pendapatan dinaikkan dari RM350 kepada RM400 bagi pendapatan bercukai RM35,000. Ekoran itu 100,000 pembayar cukai dari golongan berpendapatan rendah, tidak lagi dikenakan cukai.
 - Kemudahan tambang pergi-balik percuma sekali dalam tempoh dua tahun untuk mengunjungi wilayah asal iaitu antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak ditambah daripada sekali bagi setiap dua tahun, kepada setiap tahun mulai 1 Januari 2009.
 - Bayaran bonus sebulan gaji bagi 2008 atau minimum RM1,000 dalam dua bayaran pada September dan Disember ini bagi kakitangan kerajaan.
 - Tempoh pinjaman perumahan dilanjutkan dari 25 tahun kepada 30 tahun bagi pinjaman baru. Kemudahan pinjaman perumahan bagi kerja ubahsuai rumah yang tidak dibeli melalui pinjaman perumahan kerajaan.
 - Cukai jalan bagi kenderaan penumpang bersendirian berenjin diesel milik individu dan syarikat, dikurangkan mengikut kadar cukai jalan kenderaan berenjin petrol, mulai 1 September 2008.
 - Duti eksais spesifik ke atas rokok dinaikkan sebanyak 3 peratus sebarang - dari 15 sen kepada 18 sen. Dengan ini, cukai untuk sekotak rokok 20 batang kini meningkat sebanyak 60 sen.
 - Pelaburan baru oleh pengusaha hotel bertaraf empat dan lima bintang di Sabah dan Sarawak dikecualikan cukai pendapatan 100 peratus atau elaun cukai pelaburan 100 peratus bagi tempoh lima tahun.
 - Kadar bayaran insentif pasukan perubatan udara di Sabah dan Sarawak dinaikkan. Bagi pembantu perubatan, kadar bayaran dinaikkan dari RM20 kepada RM30 satu penerbangan pergi balik. Bagi jururawat pula, dari RM15 kepada RM30 satu penerbangan pergi balik
 - Pengecualian cukai bagi perubatan tradisional seperti akupunktur dan ayurvedic.
 - Peruntukan RM300 juta, yang mana RM180 juta adalah untuk menampung sara hidup nelayan dan pemilik bot perikanan manakala RM120 juta sebagai insentif tangkapan ikan.
 - Elauan pelaburan semula sebanyak 60 peratus bagi tempoh 15 tahun bagi pelaburan tambahan bagi penternak ayam dan itik. Peruntukan RM475 juta bagi bantuan input pertanian, baja dan racun perosak bagi membantu pesawah.
 - Isi rumah yang membayar bil elektrik RM20 dan ke bawah sebulan tidak perlu membayar bil elektrik berkuatkuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009.
- Berlatarkan scenario ekonomi dan politik yang mencabar, Bajet 2009 diharapkan dapat direalisasikan untuk meringankan bebanan kewangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana disamping menyokong meningkatkan aktiviti ekonomi dan daya saing negara menghadapi cabaran mendatang.

Ulasan oleh :
Dullah Muluk,
Pensyarah Kanan Ekonomi